

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : DATUK SERI IR. DR. WEE KA SIONG
[AYER HITAM]**

SOALAN NO. 455

Minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan adakah "*Malaysian University English Test*" (MUET) akan dirombak semula bagi menyamakan piawaian Malaysia dengan "*Test of English as a Foreign Language*" (TOEFL) atau "*International English Language Testing System*" (IELTS) agar diiktiraf oleh institusi antarabangsa.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Peperiksaan "*Malaysian University English Test*" (MUET) yang diperkenalkan pada tahun 1999 adalah untuk mengisi jurang kepada pengajaran dan pembelajaran bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua pada peringkat prauniversiti, untuk memperkukuh dan mempertingkatkan kebolehan bahasa Inggeris pelajar peringkat pra universiti, serta mengurangkan beban sumber pihak universiti dalam memperkukuhkan kemahiran berbahasa Inggeris agar dapat membantu pelajar membuat rujukan rujukan dan kajian daripada pelbagai sumber yang kebanyakannya ditulis dalam bahasa Inggeris.

Format ujian dan sukatan MUET sedia ada telah diterima pakai sebagai syarat kemasukan oleh beberapa buah universiti luar negara, sama kedudukannya dengan ujian International English Language Testing

NO. SOALAN: 455

System (IELTS) dan Test of English as a Foreign Language (TOEFL), manakala Format ujian dan sukatan MUET yang baharu telah disejajarkan (*align*) dengan the Common European Framework of Reference for Languages (CEFR). Tempoh sah laku keputusan MUET ialah lima tahun mulai tarikh keputusan ujian MUET dikeluarkan.

RT57/455